

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN DR. ONG KIAN MING (BANGI)

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pemegang visa MM2H yang tidak memohon untuk melanjutkan visa mereka pada tahun 2020 dan 2021 dan jumlah permohonan MM2H yang baru dan yang diluluskan pada tahun 2020 dan 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 30 September 2021, jumlah pemegang pas Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) yang aktif adalah seramai 56,394 orang yang terdiri daripada 27,803 prinsipal dan 28,591 tanggungan.

Manakala, bagi persoalan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah permohonan MM2H yang telah diluluskan bagi tahun 2020 dan 2021, dimaklumkan bahawa Program MM2H akan diaktifkan semula dijangka mulai Oktober 2021 setelah semua proses berkaitan perundangan selesai. Justeru, Kementerian Dalam Negeri belum mempunyai rekod atau statistik terkini peserta Program MM2H setelah diperkenalkan syarat baharu yang dapat diberikan buat masa ini.